



Ruj. Kami : ( 2 ) dlm.KKM-60 (20/7)/1/1

Tarikh: 23 Julai 2018

## PERINGATAN

### Pengamal Pergigian

Tuan/Puan,

### **PENGIKLANAN PERKHIDMATAN PERGIGIAN OLEH PENGAMAL PERGIGIAN**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Majlis Pergigian (MPM) telah dimaklumkan oleh Persatuan Doktor Pergigian Malaysia bahawa terdapat peningkatan pengiklanan perkhidmatan pergigian yang tidak beretika oleh pengamal pergigian sejak kebelakangan ini. Pengiklanan tersebut termasuk menawarkan diskaun, promosi, mempamerkan fi rawatan di luar daripada premis klinik, mendapatkan perkhidmatan pihak ketiga yang melibatkan pembahagian bayaran (*fee splitting*) yang melanggar kod etika dan garis panduan yang dikeluarkan oleh MPM.

3. Adalah dimaklumkan juga bahawa MPM juga banyak menerima aduan berkaitan pengiklanan yang tidak beretika ini. Sehubungan itu, untuk mencegah aduan berkaitan pengiklanan perkhidmatan pergigian tidak beretika daripada meningkat, MPM ingin mengingatkan semua pengamal pergigian bahawa pengiklanan klinik dan/ atau perkhidmatan pergigian perlu mematuhi kriteria yang terkandung di dalam **Code of Professional Conduct 2008** dan **Guidelines and Provisions for Public Information 2014** yang dikeluarkan oleh MPM. Pengamal pergigian adalah bertanggungjawab memastikan pematuhan kriteria di dalam dokumen-dokumen tersebut terutamanya apabila menggunakan perkhidmatan pihak ketiga.

...2/-

4. Tindakan tatatertib boleh diambil oleh MPM ke atas pengamal pergigian yang melanggar kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

Yang Ikhlas,

  
(DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH)  
Yang Di Pertua  
Majlis Pergigian Malaysia